

Harga minyak dunia naik mendadak

KUALA LUMPUR - Kenaikan harga bahan api di negara ini adalah berdasarkan kepada peningkatan harga minyak mentah dunia secara mendadak sepanjang Oktober lalu.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, selaras mekanisme apungan yang dilaksanakan kerajaan sejak 1 Disember tahun lalu, harga semua bahan api pada November dinaikkan 15 sen.

"Harga minyak mentah dunia pada bulan lalu (Oktober) sentiasa berubah, iaitu paling rendah AS\$43 setong (RM180), manakala paling tinggi menghampiri AS\$54 setong (RM226).

"Berikutan itu, berdasarkan



JOHARI

perkiraan harga minyak mentah dunia pada Oktober menerusi kaedah apungan, harga bahan api sepanjang November meningkat 15 sen," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.

Berkuat kuasa tengah malam semalam, harga runcit

petrol RON95, RON97 dan diesel naik 15 sen seliter bagi November 2016, menjadikan harga baharu RON95 RM1.95 seliter; RON97 RM2.30 dan diesel RM1.90 seliter.

Manakala, sepanjang Oktober lalu, harga runcit petrol RM95, RON97 dan diesel, masing-masing adalah RM1.80 seliter, RM2.15 seliter dan RM1.75 seliter.

Selain itu, katanya, harga bahan api turut dipengaruhi nilai mata wang yang sentiasa berubah mengikut peredaran ekonomi dunia.

"Kita pakai mekanisme satu bulan ke belakang, justeru harga minyak untuk Disember akan turun jika harga minyak mentah dunia menurun sepanjang bulan ini," katanya. - *Bernama*